




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

19 SEPTEMBER 2022

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 144 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 393,183 kes. Satu (1) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu di Kota Kinabalu. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 194 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 385,151 orang. Manakala 227 pesakit sedang menerima rawatan di hospital. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah sembilan (9) orang iaitu di ICU/repurposed kritikal *care* manakala empat (4) orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning 10 daerah
- Zon Jingga dua (2) daerah
- Zon Merah 15 daerah

i. Kedudukan Kes Positif COVID-19

- a. Angka jangkitan baharu tidak banyak berubah apabila merekodkan 144 kes berbanding 137 semalam. Ini adalah sejajar dengan jumlah sampel ujian yang tidak banyak berubah, 1,337 hari ini berbanding 1,375 semalam. Kadar positifiti juga tidak banyak berubah daripada 10.84% kepada 10.85% hari ini.
- b. Sungguhpun angka jangkitan tidak banyak berbeza dengan angka semalam, tetapi 20 daerah mencatatkan sekurang-kurangnya satu (1) kes baharu berbanding hanya 15 daerah semalam. Sebanyak lima (5) daerah merekodkan kes dua (2) angka iaitu Kota Kinabalu 37 kes (-19), Sandakan 13 kes (-21), Kudat 12 kes (+9), Tawau 12 kes (+1) dan Tuaran 10 kes (+2). Tujuh (7) daerah tidak merekodkan sebarang jangkitan baharu hari ini.
- c. Sebanyak 140 daripada 144 kes baharu adalah dalam Kategori 1 dan Kategori 2, satu (1) kes dalam Kategori 3 dan tiga (3) kes dalam Kategori 4.

ii. Perincian Kes COVID-19 Hari Ini

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

| Bil. | Kategori Saringan | Bilangan Kes | Peratusan |
|---------------|--------------------------|---------------------|------------------|
| 1 | Kluster | 0 | 0.00% |
| 2 | Kontak | 25 | 17.36% |
| 3 | Bergejala | 104 | 72.22% |
| 4 | Bersasar | 0 | 0.00% |
| 5 | Lain-lain Saringan | 15 | 10.42% |
| JUMLAH | | 144 | 100% |

B. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (18 September 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

| Bil. | Daerah | Catatan Kes 18/09/2022 | Catatan Kes 19/09/2022 | Perbandingan |
|---------------|---------------|---------------------------|---------------------------|--------------|
| 1 | Telupid | 0 | 9 | +9 |
| 2 | Kudat | 3 | 12 | +9 |
| 3 | Putatan | 0 | 7 | +7 |
| 4 | Lahad Datu | 0 | 6 | +6 |
| 5 | Sandakan | 8 | 13 | +5 |
| 6 | Papar | 1 | 5 | +4 |
| 7 | Ranau | 0 | 4 | +4 |
| 8 | Kota Marudu | 2 | 6 | +4 |
| 3 | Beluran | 0 | 3 | +3 |
| 10 | Tuaran | 8 | 10 | +2 |
| 11 | Tenom | 2 | 4 | +2 |
| 12 | Kunak | 0 | 2 | +2 |
| 13 | Tawau | 11 | 12 | +1 |
| 14 | Kalabakan | 0 | 1 | +1 |
| 15 | Semporna | 1 | 2 | +1 |
| 16 | Sipitang | 0 | 0 | Mendatar |
| 17 | Beaufort | 0 | 0 | Mendatar |
| 18 | Tambunan | 0 | 0 | Mendatar |
| 19 | Kuala Penyu | 0 | 0 | Mendatar |
| 20 | Nabawan | 0 | 0 | Mendatar |
| 21 | Penampang | 29 | 8 | -21 |
| 22 | Kota Kinabalu | 56 | 37 | -19 |
| 23 | Pitas | 5 | 1 | -4 |
| 24 | Keningau | 5 | 1 | -4 |
| 25 | Kinabatangan | 4 | 1 | -3 |
| 26 | Tongod | 1 | 0 | -1 |
| 27 | Kota Belud | 1 | 0 | -1 |
| JUMLAH | | 137 | 144 | +7 |

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 954 unit.

- Hospital 906 unit.
- PKRC (Awam) 20 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 23.79%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 19 SEPTEMBER 2022

i. Tempatan/Import/Tahanan

| Import/Tempatan | |
|------------------------------------|------------|
| Tempatan | 144 |
| Import A (Jangkitan Luar Malaysia) | 0 |
| Import B (Jangkitan Luar Sabah) | 0 |
| Orang Dalam Tahanan /Banduan | 0 |
| Jumlah | 144 |

ii. Kewarganegaraan

| Kewarganegaraan | |
|------------------------|------------|
| Malaysia | 136 |
| Bukan Malaysia | 8 |
| Jumlah | 144 |

iii. Status Vaksinasi

| Status Vaksinasi | |
|-----------------------------------|------------|
| Belum Layak Vaksin (Bawah 5) | 11 |
| Belum Menerima Vaksin (5-11) | 4 |
| Belum Menerima Vaksin (>11 Tahun) | 6 |
| Menerima 1 Dos | 1 |
| Lengkap 2 Dos | 40 |
| Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak | 82 |
| Jumlah | 144 |

iii. Umur

| Umur (Tahun) | |
|---------------------|------------|
| <1 | 5 |
| 1-4 | 6 |
| 5 -11 | 8 |
| 12-17 | 3 |
| 18-29 | 31 |
| 30-39 | 30 |
| 40-49 | 19 |
| 50-59 | 23 |
| 60-69 | 15 |
| 70-79 | 2 |
| 80-89 | 2 |
| >90 | 0 |
| Jumlah | 144 |

Sekian.

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II